



جابتين حال إحوال أكام إسلام نكري سابه

KHUTBAH JUMAAT 03 ZULHIJAH 1441H / 24 JULAI 2020M

MENGASIH BIATANG AKHLAK TERPUJI

Disediakan olehh
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

فَأَثَبَهُمُ اللَّهُ بِمَا قَالُوا جَنَّتِ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٨٥﴾

(Surah Al-Maidah, Ayat 85)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .
أَمَّا بَعْدُ ، يَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَأَيَّامِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat.

HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Baru-baru ini masyarakat dikejutkan dengan insiden kejam penderaan terhadap haiwan. Lantas membuat kita berfikir sejenak; Apa dosa makhluk ini? Bukankah haiwan juga makhluk ciptaan Allah SWT? Islam adalah agama yang mengajak kepada kebaikan melalui keluhuran budi pekerti dan perilaku sopan. Sesungguhnya sebagai ciptaan Allah SWT yang dikurniakan dengan akal yang boleh berfikir dan menentukan baik dan buruk, adalah menjadi kewajiban ke atas kita untuk menyayangi alam sekitar termasuklah

haiwan yang turut diciptakan-Nya. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Orang yang tidak menyayangi maka tidak disayangi (oleh Allah)”*. (HR Bukhari)

HADIRIN JUMAAT YANG DIMULIAKAN

Muslim yang sejati akan mengamalkan sifat menghormati dan menyayangi haiwan kerana haiwan itu makhluk yang diciptakan oleh-Nya juga disamping mengharapkan keredhaan-Nya. Akhlak Islam yang syumul telah menggariskan panduan adab dengan haiwan seperti berikut:

1. **Tidak menyeksanya atau mengurung sehingga mati kelaparan.** Mengurung binatang tanpa memberinya makanan atau minuman sehingga ia mati kelaparan adalah dilarang sehingga seseorang itu boleh masuk ke neraka sebagaimana diceritakan dalam suatu peristiwa melalui hadis riwayat al-Bukhari yang bermaksud: *“Disiksa seorang perempuan kerana seekor kucing yang telah dikurungnya sehingga mati kelaparan. Dengan sebab itu masuklah perempuan tersebut ke dalam api neraka”*.
2. **Berlaku baik ketika menyembelih.** Allah SWT telah menggariskan panduan yang lengkap semasa penyembelihan bukan sahaja sebagai bukti rahmat-Nya, malahan untuk memastikan haiwan tersebut tidak menderita. Sabda Baginda Rasulullah: *“Sesungguhnya Allah mewajibkan berbuat ihsan terhadap tiap-tiap sesuatu, maka apabila kamu membunuh elokkanlah pembunuhan itu, dan apabila kamu menyembelih maka elokkanlah penyembelihan itu, dan hendaklah salah seorang kamu menajamkan pisaunya dan hendaklah dia menyelesaikan binatang sembelihannya”*. (HR Muslim)
3. **Diharuskan membunuh haiwan yang berbahaya.** Berbalik kepada konsep *Maqasid Syariah*, apabila haiwan itu boleh mendatangkan bahaya kepada diri kita, adalah harus bagi kita untuk membunuh binatang tersebut. Sabda Baginda Rasulullah yang bermaksud: *“Terdapat lima jenis binatang berbahaya yang boleh dibunuh di luar tanah haram atau di dalam tanah haram iaitu ular, gagak, tikus, anjing gila dan helang”* (HR Muslim)

Allah SWT wujudkan haiwan-haiwan di muka bumi ini semata-mata melengkapkan kelangsungan hidup manusia. Oleh itu, Islam mengecam sekeras-kerasnya penganiayaan serta zalim ke atas haiwan kerana ia menyalahgunakan rahmat Allah SWT.

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Biar pun haiwan ini hanyalah sebagai pelengkap kehidupan manusia di bumi yang fana ini, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bersifat ihsan terhadap haiwan kerana ianya sebahagian ciptaan Allah SWT. Jati diri seorang muslim dicerminkan bukan sahaja melalui akhlak pergaulannya sesama manusia, tetapi juga apabila ia berhadapan dengan haiwan kerana padanya ada pahala untuk di bawa menghadap Allah yang Maha Esa di akhirat kelak.

فَأَثَبَهُمُ اللَّهُ بِمَا قَالُوا جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَذَلِكَ جَزَاءُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٨٥﴾

Mafhumnya: “Lalu Allah memberikan pahala kepada mereka disebabkan (pengakuan iman yang ikhlas) yang telah mereka ucapkan, (iaitu mereka dibalas dengan) Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka pula tetap kekal di dalamnya. Dan yang demikian itu, adalah balasan orang-orang yang berusaha berbuat kebaikan.” (Al-Maidah, ayat 85)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.
Tel: 088-522127 @ 088-522142